

TARIKH : 17 FEBRUARI 2022
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 4

JaminKerja tawar 600,000 peluang kerja

JaminKerja tawar 600,000 peluang kerja

Inisiatif babit peruntukan RM4.8b itu akan dilancarkan Perdana Menteri pada 19 Februari

KUALA LUMPUR

Inisiatif JaminKerja Keluarga Malaysia yang berlandaskan konsep *jobs guarantee* bakal mencipta 600,000 peluang pekerjaan, kata Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz.

Beliau berkata, inisiatif yang membabitkan peruntukan sebanyak RM4.8 bilion itu akan dilancarkan oleh Perdana

Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada 19 Februari ini.

"Kita akan menganjurkan Karnival Kerjaya JaminKerja 2022 siri yang pertama pada tahun ini di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur. Karnival ini akan melibatkan 50 majikan dengan lebih 2,500 peluang pekerjaan ditawarkan.

"Selain itu, terdapat aktiviti seperti kaunseling kerjaya, sesi temu duga bersama majikan, bantuan pendaftaran Portal Pekerjaan Nasional, MYFutureJobs dan sebagainya," katanya ketika menjadi tetamu dalam program Agenda Awani bertajuk 'Ketahanan Ekonomi Keluarga Malaysia' terbitan *Astro Awani* pada Selasa.

Inisiatif JaminKerja merupakan kerjasama antara Kementerian Kewangan dan Kementerian

Sumber Manusia serta agensi Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) dan Pembangunan Sumber Manusia Bhd (HRD Corp).

Menurut Tengku Zafrul, pada tahun lepas kerajaan berjaya menjana hampir 560,000 peluang pekerjaan melebihi sasaran awal sebanyak 500,000 yang sekali gus membantu menyumbang kepada penurunan kadar pengangguran.

Bagi Insentif Penggajian JaminKerja, beliau berkata, permohonan telah dibuka mulai 17 Januari sehingga 30 Jun 2022 yang boleh dibuat melalui laman web Perkeso.



TENGGU ZAFRUL

Selain itu, katanya, Program MySTEP akan dilanjutkan pada tahun ini dengan 80,000 peluang pekerjaan disasarkan.

"Ini merupakan program pekerjaan jangka pendek secara kontrak di sektor awam dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dalam usaha meningkatkan kebolehpasaran para pencari kerja," ujarnya.

Beliau berkata, kerajaan juga turut menasaskan 220,000 pelatih menjalani pelbagai program latihan dan peningkatan kemahiran dan sebanyak 5,000 kursus akan ditawarkan oleh pelbagai kementerian dan agensi kerajaan.

"Antara inisiatif yang akan dilaksanakan termasuklah program *place and train* (latihan + jaminan pekerjaan)," katanya.

Tengku Zafrul berkata, JaminKerja turut menyediakan pelbagai program latihan dan peningkatan kemahiran termasuk program peningkatan kemahiran dengan kerjasama industri.

"JaminKerja turut menggalakkan majikan menyediakan peluang pekerjaan kepada golongan tumpuan seperti orang kurang upaya (OKU), orang asli dan banduan dengan pembabitkan pelbagai agensi berkaitan antaranya Majlis Pembangunan Sumber Manusia (HRDC), Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC)," jelasnya. - *Bernama*